

Menteri: Perkasa koperasi untuk bantu tangani kenaikan harga barang

Bernama
Diterbitkan: Feb 8, 2022



mik BERITA

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Medac) komited dalam membantu menangani permasalahan kenaikan harga barang makanan, antaranya melalui pemerkasaan koperasi yang terlibat dalam bidang pertanian, penternakan dan perikanan.

Menterinya Noh Omar berkata Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah memperuntukkan RM 1 juta bagi koperasi terlibat dalam bidang itu dan menggalakkan mereka untuk menjalankan pembiagaan dalam bentuk contract farming yang tidak melibatkan orang tengah.

"Kita ada 15 koperasi yang bermiaga secara contract farming, tapi mereka terlibat dengan syarikat-syarikat besar (seperti KFC dan CP). Bayangkan kalau kita boleh wujudkan koperasi menternak ayam, ikan dan sebagainya dan kita ada pusat pengumpulan dan kita beli sendiri, elakkan penglibatan orang tengah," katanya dalam program Ruang Bicara bertajuk 'Menuju 100 tahun Koperasi di Malaysia' terbitan Bernama TV malam tadi.

Dalam pada itu, Noh turut menggalakkan masyarakat untuk menubuhkan koperasi terutamanya bagi graduan.

"Kita juga akan bagi bantuan permulaan untuk mereka ini lebih bersemangat dalam menubuhkan koperasi dan syarat penubuhan juga telah diringankan, 20 orang sahaja dah boleh tubuh koperasi," katanya.

Sambutan 100 tahun koperasi pada tahun ini bertemakan '100 Tahun Gerakan Koperasi, Membangun Keluarga Malaysia' akan berlangsung pada 12 Feb.

-Bernama